

## LPPKN lancar sambutan BKK1M di Bukit Jalil Ahad ini



SITI NORLASIAH

**KUALA LUMPUR** - Bagi memeriahkan lagi sambutan Karnival Lan Berambah Anak Sarawak 2014 yang diadakan selama tiga hari bermula 31 Oktober ini, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) akan melancarkan sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan Malaysia (BKK1M) di pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil pada 2 November ini.

Sambutan yang bertema 'Keluarga Bahagia, Negara Sejahtera' tersebut akan dilancarkan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim.

Menurut Ketua Pengarah LPPKN, Datuk Dr. Siti Norlasiah Ismail, BKK1M akan memberi tumpuan kepada penerapan nilai teras keluarga bahagia.

"Kerajaan melalui LPPKN menggariskan lima nilai teras keluarga bahagia berlandaskan konsep 'KASIH' untuk dijadikan panduan masyarakat berbilang kaum iaitu kasih sayang, akhlak, sihat dan selamat, ilmu dan harmoni.

"Ini kerana, keluarga yang bahagia akan melahirkan individu yang berkualiti dan berperibadi mulia yang seterusnya menjadi pendukung utama proses perubahan

dan pembangunan sesebuah negara," katanya di sini semalam.

Selain itu jelas Siti Norlasiah, Rohani juga akan melancarkan kempen '10 Saat Pelukan Keluarga' pada majlis tersebut.

"Ramai yang tidak menyedari bahawa meluahkan kasih sayang menerusi sentuhan pelukan bukan sahaja dapat merapatkan hubungan kekeluargaan antara suami isteri

dan anak-anak tetapi juga boleh meningkatkan kesihatan seseorang individu.

"Pelukan juga banyak memberi impak positif kepada individu dan secara tidak langsung ia akan menyumbang kepada keharmonian keluarga," ujarnya.

Tambahnya, pengunjung akan dihiburkan dengan pelbagai persembahan termasuk aksi maskot kartun terkenal tanah air, Boboi Boy.